



PERATURAN-PERATURAN DAN UNDANG-UNDANG ASRAMA

**AMTRC ACADEMY SP SDN BHD
NO 5&6, LENGKOK CEMPAKA 2 BANDAR AMANJAYA,
08000 SUNGAI PETANI, KEDAH.
NO TEL :- 04 444 6288
NO FAX :- 04 444 6388**

PRAKATA

Buku peraturan dan undang-undang asrama ini bertujuan untuk memaklumkan kepada para pelatih,ibu bapa/penjaga serta tenaga pengajar tentang segala peraturan dan undang-undang asrama yang mesti dipatuhi oleh semua pihak.

Buku ini mesti dibaca dan difahami untuk dijadikan panduan dan amalan dalam hidup seharian. Matlamat akademi adalah untuk melahirkan para pelatih yang berilmu,berahlak mulia,berdisiplin,bertanggungjawab serta berketerampilan tinggi dalam usaha mencapai kesejahteraan diri.

Untuk mencapai cita-cita ke tahap cermelang,gemilang dan terbilang,para pelatih mesti memiliki nilai dan sikap yang positif bagi membentuk keperibadian yang mulia dan kualiti diri.

Oleh itu,patuhilah segala peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak akademi sejajar dengan peruntukan dan tuntutan yang juga diguna pakai oleh majikan-majikan lain. Terima kasih diatas kerjasama anda.

PERATURAN-PERATURAN DAN UNDANG-UNDANG ASRAMA

1. WAKTU KELUAR MASUK ASRAMA

- a. Para pelatih dikehendaki berada didalam kawasan bilik asrama selewat-lewatnya pada pukul 11.00 malam setiap hari.
- b. Pelatih tidak dibenarkan keluar selain waktu yang telah ditetapkan oleh pihak asrama kecuali berlakunya kes-kes tertentu dan pelatih hendaklah memaklumkan kepada pihak warden sekiranya hendak pulang atau keluar pada waktu tersebut.
- c. Pelatih tidak dibenarkan berada di asrama pada waktu kelas latihan diadakan kecuali mendapat kebenaran daripada pihak warden seperti pelatih mengalami sakit atau demam.
- d. Waktu rehat tengahari dari pukul 1.00 petang hingga 2.00 petang pelatih dibenarkan untuk berada dikawasan asrama bagi tujuan solat dan mandi.
- e. Penghuni asrama dikehendaki meninggalkan kawasan asrama pada pukul 8.00 pagi.
- f. Penghuni asrama dilarang membawa masuk rakan selain dari penghuni asrama baik lelaki atau perempuan.

2. TATATERTIB (AHLAK)

- a. Semua penghuni asrama mestilah sentiasa berkelakuan baik samada didalam atau luar asrama.
- b. Penghuni-penghuni asrama tidak dibenarkan sama sekali berkelakuan tidak senonoh seperti mencuri,merokok,bergaduh,menggunakan sebarang jenis dadah atau merosakan harta benda asrama.
- c. Pelajar-pelajar juga tidak dibenarkan menjerit-jerit di asrama.

3. DIDIKAN AGAMA

- a. Tiap-tiap penghuni asrama mesti mempunyai keperluan bagi amalan ibadat.
- b. Penghuni-penghuni asrama diwajibkan menunaikan sembahyang lima waktu secara berjemaah di surau.
- c. Penghuni asrama diwajibkan bersembahyang jumaat di masjid yang berhampiran.

KEBERSIHAN DAN KESIHATAN

4. Kebersihan dan kesihatan diri

- a. Kebersihan dan kesihatan diri pelajar hendaklah diutamakan.
- b. Pemeriksaan kebersihan diri penghuni akan dijalankan pada bila-bila masa seperti kuku panjang dan sebagainya.
- c. Sebarang penyakit/kemalangan hendaklah dilaporkan dengan segera kepada pihak warden.
- d. Bilik asrama/kawasan sekeliling mestilah sentiasa bersih dan teratur.
- e. Pemeriksaan akan dijalankan oleh warden yang bertugas setiap hari.
- f. Makanan dari dapur atau sebarang makanan yang mudah rosak dilarang makan didalam bilik asrama.
- g. Pakaian dan alatan harian seperti tuala, sarung bantal, selimut dan cadar hendaklah sentiasa bersih dan kemas.
- h. Pakaian dan barang-barang yang basah dan kotor tidak boleh disimpan didalam asrama.
- i. Semua pakaian dan juga buku-buku hendaklah disimpan di dalam loker penghuni masing-masing.
- j. Semua penghuni dilarang menconteng, menampal sebarang tulisan, gambar pada bantal, tilam, loker, katil dan dinding-dinding asrama/tandas/bilik air.
- k. Bilik hendaklah disapu pada waktu pagi dan petang.
- l. Tong-tong sampah hendaklah dikosongkan setiap pagi.
- m. Penghuni tidak dibenarkan merendam pakaian dalam sinki.
- n. Bekas bungkus sabun, ubat gigi dan shampoo hendaklah dibuang kedalam tong sampah.
- o. Pakaian yang telah dicuci hendaklah dijemur di tempat jemuran yang disediakan.
- p. Bilik tandas hendaklah dibersihkan selepas digunakan.
- q. Kerja-kerja pembersihan bilik air dan tandas hendaklah dijalankan setiap hari oleh penghuni yang telah ditetapkan.
- r. Jangan sebahagian sampah dalam kawasan asrama. Sila buang sampah kedalam tong sampah yang disediakan.
- s. Semua penghuni bertanggungjawab untuk memindahkan bilik dan kawasan asrama.

5. KESELAMATAN

- a. Penghuni bertanggungjawab atas keselamatan barang-barang mereka sendiri.
- b. Barang-barang kemas dan berharga dilarang di bawa ke asrama.
- c. Alat-alat yang merbahaya seperti pisau, pedang dan buku lima dilarang disimpan di asrama.
- d. Semua jenis peralatan elektrik seperti heater dilarang digunakan didalam bilik asrama.
- e. Penghuni tidak sekali-kali dibenar membuat penyambungan elektrik sesuka hati.

6. PENGGUNAN ELEKTRIK DAN AIR

- a. Lampu asrama hendaklah dipadamkan selewat-lewatnya pada pukul 12.00 malam.
- b. Jangan pasangkan elektrik atau kipas angin dan juga pili air semasa ketiadaan penghuni. Mana-mana penghuni yang melanggar peraturan ini akan diambil tindakan yang sewajarnya.

7. PERKARA DAN PERBUATAN YANG DILARANG

- a. Pelatih dilarang membawa, memakai atau mengguna benda atau bahan-bahan berikut :-
 - i. Bahan-bahan lucah dalam apa jua bentuk samada wajah, pita video, cakera padat, disket atau foto.
 - ii. Bahan-bahan berunsur negatif (dilarang) yang boleh meracuni fikiran serta bertentangan dengan undang-undang Negara.
 - iii. Dadah dan minuman yang memabukkan atau sebarang benda yang berkaitan dengannya.
 - iv. Melibatkan diri dalam rusuhan yang tidak bermoral seperti memperagakan tubuh badan, kegiatan gay dan sebagainya.
 - v. Pelatih dilarang menyalahguna atau merosakkan peralataan asrama dan sekiranya terdapat sebarang kerosakan hak milik akademi semua penghuni asrama hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya atas kerosakan tersebut.

8. KESELAMATAN BERKENDERAAN

- a. Pelatih yang memandu kereta/motosikal dinasihatkan menjaga keselamatan kenderaan serta diri mereka.
- b. Pihak akademi berhak membuat sebarang pemeriksaan ke atas semua kenderaan/pemilik/pengguna dan boleh mengambil sebarang tindakan yang wajar dan sesuai.

9. PINDAAN DAN CAKUPAN PERATURAN

- a. Peraturan-peraturan serta undang-undang asrama AMTRC AKADEMI tertakluk kepada pindaan yang akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.
- b. Senarai peraturan-peraturan serta undang-undang AMTRC AKADEMI tidak terbatas kepada peraturan yang tercatat di dalam buku ini sahaja. Peraturan ini juga merangkumi undang-undang Negara Malaysia.
- c. Sekiranya mana-mana pelatih yang tidak pasti tentang peraturan atau undang-undang yang tercatat, sila rujuk kepada pihak pengurusan AMTRC AKADEMI terlebih dahulu. Jika tiada sebarang rujukan pihak AMTRC AKADEMI beranggapan bahawa semua peraturan serta undang-undang yang disediakan telah difahami dan wajib dipatuhi oleh semua pihak setiap masa.

PENGAKUAN PELATIH

Bahawasanya saya.....penghuni asrama AMTRC AKADEMI
bagi program.....sesi.....telah membaca
dan memahami segala peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak AMTRC AKADEMI. Dengan
ini,saya mengaku bahawa saya akan mematuhi peraturan-peraturan dan undang-undang asrama
tersebut dan bersedia menerima tindakan yang akan dikenakan oleh pihak AMTRC AKADEMI kepada
saya jika saya melanggar mana-mana peraturan tersebut.

Tanda Tangan Pelatih :

Nombor Kad Pengenalan :

Tarikh :

PENGAKUAN IBU BAPA/PENJAGA

Bahawasanya saya.....ibu bapa/penjaga kepada pelatih di
atas telah membaca dan memahammi segala peraturan yang ditetapkan oleh pihak AMTRC
AKADEMI. Saya sedia berkerjasama dengan pihak akademi untuk menentukan supaya anak/anak
jagaan saya mematuhi semua peraturan-peraturan tersebut.

Tanda Tangan Ibu Bapa/Penjaga :

Nombor Kad Pengenalan :

Tarikh :